



SOALAN LAZIM (FAQ)

BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

A. PENGOPERASIAN PREMIS PENGINAPAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan premis penginapan?

Premis penginapan yang dimaksudkan adalah hotel/ resort/ bajet hotel/ hotel apartment dan seumpama dengannya yang menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada mana-mana orang untuk disewa.

2. Adakah premis penginapan boleh beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan?

Hanya premis penginapan yang bukan berada dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dibenarkan untuk beroperasi. Namun, premis penginapan yang telah diwartakan sebagai Stesen Kuarantin Covid-19 serta sedang dihuni oleh *Person Under Surveillance* (PUS) tidak dibenarkan untuk beroperasi untuk mendaftar pelanggan baharu.

Bagi premis penginapan yang telah diwartakan sebagai Stesen Kuarantin Covid-19 tetapi masih belum menerima sebarang PUS, pihak pengurusan premis penginapan tersebut boleh memohon untuk membatalkan pewartaan premis penginapan tersebut sebagai Stesen Kuarantin Covid-19 melalui e-mel di plncovid19@motac.gov.my.

Premis penginapan tersebut hanya boleh beroperasi sebagai premis penginapan biasa setelah pewartaan sebagai Stesen Kuarantin Covid-19 dibatalkan melalui pemberitahuan warta.

Walaupun premis penginapan dibenarkan untuk beroperasi, premis penginapan hendaklah mematuhi sepenuhnya amalan *Standard Operating Procedure* (SOP) diinfeksi/pembersihan sebelum dan semasa pengoperasian seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Bilakah waktu operasi premis penginapan dibenarkan?

Waktu operasi yang dibenarkan adalah tertakluk kepada tempoh waktu yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing yang bertindak sebagai badan yang mengawal selia dan meluluskan lesen operasi perniagaan.

4. Adakah perkhidmatan café/restoran dibenarkan?

Restoran dan kafetaria dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat dan kelulusan yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Tempatan. **Penyediaan makanan secara *buffet* tidak dibenarkan.**

5. Apakah tatacara pengoperasian café/restoran di hotel?

Perkara ini perlu dibaca bersekali dengan SOP peruncitan yang merangkumi restoran yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

6. Bolehkah premis penginapan menerima pelanggan baharu?

Boleh.

(Senarai aktiviti yang dilarang untuk sektor Pelancongan dan Perhotelan adalah penggunaan fasiliti hotel seperti surau, gimnasium, spa, sauna, *lounge*, kolam renang, bilik mesyuarat, dewan seminar, bilik latihan, restoran dan café (bagi tujuan buffet)

7. Bolehkah petugas *essential services* yang perlu bertugas melintasi daerah atau negeri daftar masuk hotel?

Perkara ini dibenarkan tertakluk kepada perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam butiran 6 FAQ ini.

8. Adakah premis penginapan perlu menjalankan aktiviti nyah kuman (*decontamination*) sebelum mula beroperasi?

Ya, premis penginapan hendaklah menjalankan aktiviti nyah kuman (*decontamination*) di seluruh premis **sebelum memulakan operasi** dengan tanggungan kos sendiri, memastikan premis sentiasa dalam keadaan bersih dengan merujuk kepada SOP pembersihan/ sanitasi awam yang dikeluarkan oleh Kementerian / Agensi Pengawal Selia yang berkaitan.

Bagi kekerapan nyah kuman (*decontamination*) / pembersihan semasa pengoperasian premis penginapan, SOP yang telah dikeluarkan oleh Kementerian / Agensi Pengawal Selia yang berkaitan hendaklah dirujuk dan dipatuhi.

9. Apakah prosedur yang perlu dilakukan oleh pihak premis penginapan ke atas pelanggan yang ingin mendaftar masuk?

Sebelum mana-mana pelanggan didaftar masuk, premis penginapan hendaklah:

- Menyaring suhu badan pelanggan tersebut di pintu masuk premis;

- b. Memastikan jarak sosial, iaitu melebihi dari satu (1) meter dari setiap pelanggan dipatuhi;
 - c. Menggalakkan tetamu memakai penutup hidung dan mulut (*mask*); dan
 - d. Memastikan apa-apa arahan penjagaan kesihatan dan langkah-langkah keselamatan yang diarahkan oleh KKM/ KPKT/ PBT dari semasa ke semasa dipatuhi.
- 10. Adakah pelanggan hotel dibenarkan untuk berada/berlegar di luar bilik semasa menginap?**

Tidak. Tetamu hotel hendaklah berada di dalam bilik masing-masing dan tidak dibenarkan berlegar-legar atau berhimpun di mana-mana kawasan premis semasa menginap di premis penginapan.

- 11. Adakah kemudahan yang ditawarkan oleh pihak hotel seperti dewan serbaguna, bilik mesyuarat, surau, kolam renang, *gymnasium*, sauna, *business centre* dan lain-lain dibenarkan beroperasi?**

Semua kemudahan yang ditawarkan ini adalah tidak dibenarkan beroperasi.

- 12. Adakah premis penginapan boleh menyediakan perkhidmatan dobi dan *housekeeping* kepada pelanggan hotel?**

Ya. Premis penginapan boleh menjalankan aktiviti *housekeeping* dan dobi seperti kebiasaan tertakluk kepada SOP KKM yang sedang berkuatkuasa. Kos dobi ditanggung sendiri oleh pelanggan berkenaan.

- 13. Adakah pihak premis boleh memanggil pekerja mereka untuk bekerja sepanjang tempoh PKP dilaksanakan?**

Pihak premis dibenarkan untuk memanggil pekerja mereka bekerja dalam sesuatu tempoh masa tertakluk kepada peraturan yang digariskan oleh Kementerian / Agensi Pengawal Selia yang berkaitan.

- 14. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh premis penginapan sekiranya mendapat terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19?**

Pihak pengurusan premis penginapan hendaklah:

- a. Melaporkan perkara tersebut kepada KKM dengan serta-merta;
- b. Menghentikan segala operasi hotel dengan serta-merta
- c. Memberi bantuan kepada KKM untuk *contact tracing*, sekiranya diarahkan oleh KKM;
- d. Menanggung segala kos perubatan pekerja-pekerja yang terlibat; dan
- e. Menanggung segala kos proses nyah kuman di premis dan kos-kos yang berkaitan.

- 15. Adakah pihak berkuasa boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana premis penginapan yang gagal mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah dikeluarkan ini?**

Ya, pihak Kementerian / Agensi Pengawal Selia yang berkaitan boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana premis yang gagal mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

- 16. Adakah pekerja memerlukan surat untuk hadir ke tempat kerja?**

Walaupun hotel dibenarkan beroperasi, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) masih lagi terpakai. Maka bagi mengelakkan kesukaran di sekitan jalan raya, pekerja digalakkan untuk membawa pas pekerja untuk hadir bekerja.

- 17. Berapakah jumlah pelanggan/tetamu satu balik?**

Tertakluk kepada pihak hotel sendiri dengan mengambil kira pematuhan kepada garis panduan sedia ada KKM.

B. SYARIKAT PELANCONGAN (URUSAN PELESENAN)

- 18. Adakah operasi pelesenan pelancongan dijalankan seperti biasa?**

Tidak. Semua perkhidmatan kaunter di ibu pejabat dan pejabat MOTAC negeri serta perkhidmatan atas talian berhubung pelesenan pelancongan **DITUTUP sehingga 12 Mei 2020**.

Permohonan pelesenan pelancongan dalam talian diteruskan seperti biasa. Walau bagaimanapun, pemprosesan hanya akan dilakukan mulai **13 Mei 2020** tertakluk kepada permohonan yang lengkap. Pembayaran dalam talian **ditutup** bagi tujuan pelesenan.

- 19. Adakah kompaun atau denda dikenakan atas kelewatan memperbaharui lesen berkaitan pelancongan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak.

- 20. Adakah syarikat pelancongan boleh beroperasi sepanjang tempoh ini?**

Tidak dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

- 21. Adakah Pemandu Pelancong (TG) dibenarkan membuat *guiding* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa?**

Tidak. Sebarang aktiviti *guiding* oleh TG adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh kawalan ini berkuatkuasa.

- 22. Adakah penganjuran kursus bagi *Tour & Travel Management Course* (TTMC), *Tour & Travel Enhancement Course* (TTEC), Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) dan *Continuous Tourism Related Education* (CTRE) oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) masih dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Penganjuran kursus-kursus ini telah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.

- 23. Adakah aktiviti Bas Persiaran & Kereta Sewa Pandu masih dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa?**

Aktiviti Bas Persiaran & Kereta Sewa Pandu di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh kawalan ini.

Walau bagaimanapun, aktiviti Bas Persiaran & Kereta Sewa Pandu bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia hendaklah dirujuk kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

- 24. Adakah pemeriksaan premis syarikat pelancongan untuk tujuan pengeluaran lesen baru akan dijalankan?**

Pengeluaran lesen baru syarikat pelancongan boleh dikeluarkan walaupun tiada pemeriksaan premis syarikat dijalankan. Pemeriksaan premis syarikat akan dijalankan selepas mendapat tarikh baru dari Pejabat MOTAC Negeri yang berkaitan.

- 25. Adakah aktiviti penarafan Spa & Pusat Urut Kaki (PUK) masih dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Aktiviti penarafan Spa & PUK adalah dibekukan.

- 26. Bolehkah pihak premis mengemukakan permohonan pengelasan sekiranya Sijil Penggredan telah tamat tempoh semasa tempoh PKP?**

Pihak premis boleh mengemukakan permohonan pengelasan kepada Pejabat MOTAC berkenaan sekiranya telah tamat tempoh Sijil Penggredan. Walau bagaimapun, pemeriksaan premis hanya akan dilaksanakan selepas tempoh PKP berakhir.

- 27. Adakah pemeriksaan pengelasan Bintang Premis Penginapan Pelancong masih dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Aktiviti penarafan Premis Penginapan Pelancong adalah dibekukan sehingga dimaklumkan kelak.

- 28. Bolehkah pihak premis mengemukakan permohonan pengelasan sekiranya Sijil Penggredan telah tamat tempoh semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Pihak premis boleh mengemukakan permohonan pengelasan kepada Pejabat MOTAC berkenaan sekiranya telah tamat tempoh Sijil Penggredan. Walau bagaimapun, pemeriksaan premis hanya akan dilaksanakan selepas tempoh PKP berakhir.

- 29. Adakah aktiviti penguatkuasaan dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Namun jika mempunyai keperluan mendesak, aktiviti penguatkuasaan akan dijalankan.

- 30. Adakah aduan secara bersemuka di pejabat MoTAC boleh dijalankan?**

Tidak. Aduan hendaklah dilakukan melalui portal aduan rasmi MoTAC atau melalui email.

- 31. Adakah tindakan pendakwaan akan diambil terhadap syarikat/ individu yang tidak membayar kompaun disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak.

- 32. Adakah pembayaran kompaun boleh dilakukan secara atas talian?**

Tidak.

C. PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA

- 33. Adakah premis-premis *homestay* yang berdaftar dengan MOTAC akan beroperasi seperti biasa?**

Tidak. Semua premis *homestay* yang berdaftar dengan MOTAC **DITUTUP** sehingga dimaklumkan kelak.

- 34. Adakah pengusaha luar bandar yang ingin menyertai Program Pengalaman Homestay Malaysia dapat berdaftar dengan Kementerian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat?**

Tidak.

- 35. Adakah pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia dapat menerima pelancong tempatan dari negeri yang sama sepanjang tempoh ini?**

Tidak dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat kerana ia akan melibatkan pergerakan masyarakat dan aktiviti riadah.

- 36. Adakah pemeriksaan premis akan dilaksanakan untuk tujuan pengeluaran sijil Pendaftaran Homestay sepanjang tempoh ini?**

Pengeluaran Sijil Pendaftaran Homestay tidak akan dikeluarkan sehingga pemeriksaan premis dijalankan oleh Pejabat MOTAC Negeri setelah tamat Perintah Kawalan Pergerakan

- 37. Adakah penganjuran Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan MOTAC Negeri masih dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Penganjuran kursus-kursus ini telah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.

D. PROGRAM MEETING, CONFERENCE, CONVENTION, EXHIBITION VENUES (MICE) DI BAWAH MYCEB

- 38. Adakah Kementerian melalui MyCEB akan mengadakan mesyuarat bertaraf antarabangsa (*international meetings*) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat?**

Tidak dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat kerana melibatkan *mass gathering*.

- 39. Adakah Kementerian membenarkan MyCEB untuk mengadakan mesyuarat bertaraf antarabangsa (*international meetings*) sekiranya melibatkan peserta kurang daripada 10 orang sepanjang tempoh ini?**

Tidak kerana melibatkan penyertaan peserta dari luar negara. Digalakkan untuk mengadakan mesyuarat secara atas talian.

- 40. Adakah MyCEB dibenarkan untuk mengadakan pameran (*exhibition*) domestik sepanjang tempoh ini?**

Tidak dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat kerana ia akan melibatkan *mass gathering*.

- 41. Adakah persidangan tempatan/antarabangsa akan dilaksanakan sepanjang tempoh ini?**

Tidak.

- 42. Adakah MyCEB akan menjalankan program persidangan pada tarikh yang telah ditetapkan sebelum ini semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Pengajuran program-program ini telah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.

E. PROGRAM-PROGRAM PELANCONGAN DOMESTIK DI BAWAH TOURISM MALAYSIA

- 43. Adakah Tourism Malaysia akan mengadakan *Travel Fair & Trade Fair Gatherings* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat?**

Tidak dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat kerana melibatkan *mass gathering*.

- 44. Adakah Kementerian membenarkan Tourism Malaysia untuk mengadakan pameran promosi Cuti-Cuti Malaysia sepanjang tempoh ini?**

Tidak kerana melibatkan penyertaan *mass gathering*.

- 45. Adakah Tourism Malaysia dibenarkan untuk mengadakan acara promosi domestik sepanjang tempoh ini?**

Tidak dibenarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat kerana ia akan melibatkan *mass gathering*.

- 46. Adakah pameran promosi di peringkat antarabangsa seperti *Vietnam International Travel Mart*, *Bangladesh Travel&Tourism Fair* yang berjadual pada bulan Mei 2020 dan sebagainya akan dilaksanakan sepanjang tempoh ini?**

Tidak.

- 47. Adakah Tourism Malaysia akan menjalankan program promosi bersama agensi pelancongan dan pengembaraan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Penganjuran program-program ini telah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak.

- 48. Bolehkah Tourism Malaysia mengadakan promosi domestik Cuti-cuti Malaysia bersama agensi pelancongan dan pengembaraan?**

Pihak Tourism Malaysia boleh mengadakan promosi secara atas talian dalam mempromosikan pakej Cuti-cuti Malaysia.

F. PAMERAN BARANGAN / HASIL SENI DAN PERPUSTAKAAN

- 49. Adakah pekerja memerlukan surat untuk hadir ke tempat kerja?**

Pekerja digalakkan untuk mendapatkan surat kebenaran dari majikan masing-masing dan membawa pas pekerja untuk hadir bekerja.

- 50. Apakah pameran barang / hasil seni kebudayaan yang dimaksudkan?**

Pameran barang / hasil seni kebudayaan seperti berikut:

- a. Seni visual seperti lukisan catan, arca dan sebarang objek seni;
- b. Produk-produk kraftangan (tekstil seperti batik, songket; hasil rimba seperti anyaman tikar; hasil tanah seperti labu sayong; hasil logam seperti keris dan aneka kraf seperti rantai/gelang manik);
- c. Artifak, bahan warisan, rekod umum dan dokumen, manuskrip, bahasa dan kesusastraan; dan
- d. Mana-mana barang/ hasil seni kebudayaan yang berkaitan.

- 51. Adakah premis-premis awam yang mengadakan atau mengoperasikan pameran barang/ hasil seni dan perpustakaan boleh beroperasi semasa tempoh Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan?**

Hanya premis-premis awam yang tidak berada dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dibenarkan untuk beroperasi. Walaupun premis-premis awam ini dibenarkan untuk beroperasi, mereka hendaklah mematuhi sepenuhnya amalan *Standard Operating Procedure* (SOP) diinfeksi/pembersihan sebelum dan semasa pengoperasian seperti mana arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

52. Apakah tempat-tempat yang dibenarkan mengadakan pameran barang/ hasil seni kebudayaan yang dimaksudkan?

Premis-premis awam yang mempamerkan barang/ hasil seni kebudayaan seperti galeri contoh Balai Seni Lukis Negara, arkib seperti Arkib Negara Malaysia, memorial seperti Memorial Tuanku Abdul Rahman, dan pusat kraftangan seperti Kraftangan di Jalan Conlay yang beroperasi di bawah seliaan pihak Kerajaan terutama di bawah MOTAC dan Kerajaan Negeri (bergantung kepada kebenaran Kerajaan Negeri masing-masing).

53. Bilakah waktu operasi dan pelawat ke pameran barang/hasil seni dibenarkan?

Waktu operasi yang dibenarkan dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

54. Apakah prosedur yang perlu dilakukan oleh penganjur/pemilik pameran barang/hasil seni ke atas pengunjung?

Sebelum mana-mana pelawat didaftar masuk, penganjur/pemilik pameran hendaklah:

- a. Memeriksa suhu badan di pintu masuk. Pekerja dan pelawat yang mempunyai suhu badan 37.5° Celsius ke atas tidak dibenarkan masuk di dalam kawasan premis;
- b. Mengambil dan merekod maklumat peribadi pengunjung;
- c. Merekodkan suhu badan pekerja setiap hari;
- d. Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter bagi pengunjung sepanjang masa di dalam kawasan premis;
- e. Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* bagi pekerja dan pelawat;
- f. Menggalakkan pemakaian topeng muka kepada semua pelawat, manakala pekerja adalah diwajibkan memakai topeng muka sepanjang masa;
- g. Memastikan pelupusan topeng muka yang telah digunakan di tempat yang telah disediakan di kawasan premis;
- h. Penganjur/pemilik hendaklah memastikan kawasan pameran adalah bersih dan disanitasi dengan kerap menggunakan cecair pencuci yang dibenarkan atas tanggungan penganjur;
- i. Penganjur perlu menetapkan bilangan pelawat yang dibenarkan pada satu-satu masa bagi menjaga penjarakan sosial; dan
- j. Memastikan apa-apa arahan penjagaan kesihatan dan langkah-langkah keselamatan yang diarahkan oleh KKM dari semasa ke semasa dipatuhi.

55. Adakah interaksi antara pekarya dan pelawat dibenarkan semasa pameran?

Tidak. Sebarang bentuk interaksi yang membabitkan antara pelawat dan pekarya/pembuat/pengusaha barang/ hasil seni adalah tidak dibenarkan sebagaimana ditetapkan dalam SOP Pembukaan Semula Ekonomi.

56. Apakah perpustakaan yang dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP?

Perpustakaan tersebut adalah:

- Perpustakaan Negara, Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa yang diselia di bawah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM); dan
- Perpustakaan di bawah seliaan Kerajaan Negeri (bergantung kepada kebenaran Kerajaan Negeri masing-masing).

57. Apakah perkhidmatan yang dibenarkan di bawah perpustakaan sepanjang tempoh PKPB?

Semua perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan perpustakaan seperti aktiviti peminjaman, pemilihan dan pemulangan buku serta penggunaan peralatan dan perkakasan seperti komputer dan mesin cetak. Walau bagaimanapun, adalah digalakkan perkhidmatan ini dapat digunakan melalui dalam talian (*on-line*) jika ada.

58. Apakah prosedur yang perlu dilakukan oleh setiap pelawat dan pekerja di perpustakaan?

Rujuk butiran di soalan 53 FAQ ini.

59. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh penganjur/pemilik pameran serta perpustakaan sekiranya mendapati terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19?

Pihak penganjur/pemilik pameran dan perpustakaan hendaklah:

- a. Melaporkan perkara tersebut kepada KKM dengan serta-merta;
- b. Menghentikan segala operasi hotel dengan serta-merta. Memberi bantuan kepada KKM untuk *contact tracing*, sekiranya diarahkan oleh KKM;
- c. Menanggung segala kos perubatan pekerja-pekerja yang terlibat; dan
- d. Menanggung segala kos proses nyah kuman di premis dan kos-kos yang berkaitan.

60. Adakah pihak berkuasa boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana penganjur/pemilik pameran yang gagal mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah dikeluarkan ini?

Ya, pihak Kementerian / Agensi Pengawal Selia yang berkaitan boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana premis awam yang gagal mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

61. Adakah muzium boleh dilawati sepanjang tempoh PKPB?

Tidak. Muzium-muzium adalah tidak boleh dilawati sepanjang tempoh PKPB sebagaimana ditetapkan dalam SOP Pembukaan Semula Ekonomi.

62. Adakah lawatan ke muzium bagi tujuan mengadakan penyelidikan dibenarkan?

Tidak. Sebarang urusan yang melibatkan lawatan ke muzium termasuk mengadakan penyelidikan adalah tidak dibenarkan dan dimohon ditangguhkan sehingga arahan terbaru dikeluarkan oleh pihak MKN dan KKM.

63. Adakah sebarang program/acara/persembahan kebudayaan/kesenian serta aktiviti sosial seperti Majlis Rumah Terbuka dibenarkan diadakan semasa tempoh PKPB?

Tidak. Sebarang bentuk program/acara yang melibatkan perhimpunan secara besar-besaran (*mass gathering*) adalah tidak dibenarkan semasa tempoh PKPB sebagaimana yang ditetapkan dalam SOP Pembukaan Semula Ekonomi.

64. Adakah pameran dan karnival jualan yang membabitkan barang/ produk kesenian dan kebudayaan dibenarkan semasa tempoh PKP?

Tidak. Sebarang pameran dan karnival jualan barang/ produk kesenian dan kebudayaan adalah tidak dibenarkan semasa tempoh PKPB.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*